

VERSI BAHASA MELAYU

Terma dan Syarat Langganan Ezbiz Online SSM menurut seksyen 22A(2) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

Nota:

- **Sila baca perjanjian ini dengan teliti.**
- **Ia mengawal terma-terma dan syarat-syarat EzBiz Online SSM ("Langganan" anda) dan mengandungi had liabiliti di pihak SSM.**
- **Dengan mengklik "I accept", anda memasuki kontrak dengan SSM dan bersetuju dengan terma dan syarat yang dinyatakan di bawah.**
- **Istilah "anda" merujuk kepada diri anda sebagai pelanggan ("Pelanggan").**

1. Peruntukan Langganan

- 1.1 Langganan EzBiz Online disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya Syarikat Malaysia) ("SSM"). Anda akan mendapat akses kepada EzBiz Online setelah pembayaran fi ("Fi Langganan") atau sebaliknya seperti yang ditetapkan oleh SSM.
- 1.2 Anda mengakui bahawa anda telah memberikan maklumat pendaftaran yang tepat dan lengkap dan bahawa adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mengemas kini sebarang perubahan kepada maklumat yang termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat emel anda.
- 1.3 Anda hendaklah menyimpan dengan selamat dan merahsiakan nama pengguna dan kata laluan anda ("ID"). Anda bertanggungjawab bagi semua penggunaan Langganan termasuk pencegahan penggunaan tanpa kebenaran ID anda.
- 1.4 Anda hendaklah menggunakan Langganan ini hanya bagi transaksi pendaftaran baru, pembaharuan, perubahan atau penamatan pendaftaran perniagaan anda sendiri dan bukannya bertujuan untuk mendapatkan keuntungan.

2. Fi

- 2.1 Fi Langganan tahunan adalah RM5.00 dan fi Langganan ini telah diketepikan.
- 2.2 Anda hendaklah membayar kepada SSM semua fi yang dikenakan menurut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 ("APP 1956") dan semua peraturan yang dibuat menurut APP 1956 berkaitan serah simpan dokumen kepada SSM melalui EzBiz Online.
- 2.3 Dengan tidak membayar fi yang dikenakan dalam keadaan apa pun akan menjadikan dokumen yang diserah simpan melalui EzBiz Online dianggap sebagai tidak diserah simpan sehingga fi itu dibayar sepenuhnya.

3. Had liabiliti

- 3.1 SSM akan berusaha sedaya upaya untuk memperbaiki kelemahan dalam Langganan selama tempoh Langganan. Sekiranya SSM melanggar perjanjian ini, anda bersetuju bahawa liabiliti anda atas kerugian yang anda alami akan dihadkan kepada jumlah yang setara dengan Fi Langganan yang dibayar (jika berkenaan) atau jika tidak, anda boleh memilih untuk penamatan Langganan.
- 3.2 SSM tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kehilangan seperti kehilangan data, kehilangan keuntungan atau gangguan perniagaan yang timbul daripada penggunaan atau ketidakupayaan untuk menggunakan Langganan atau daripada apa-apa tindakan yang diambil (atau dihalang daripada diambil tindakan) akibat daripada menggunakan Langganan.

4. Penamatan/Penggantungan

- 4.1 SSM mempunyai hak mengikut budi bicaranya dan tanpa notis bertulis terlebih dahulu untuk menamatkan Langganan atau menggantung ketersediaan Langganan atau tindakan senarai hitam dan akan memberitahu anda secara bertulis tentang penamatan atau penyenaraihitaman itu.
- 4.2 SSM hendaklah mempunyai hak untuk menamatkan atau menggantung Langganan atau tindakan senarai hitam jika:
 - i. anda gagal untuk membuat pembayaran apabila perlu berkaitan Langganan, Perkhidmatan atau mana-mana akaun

- atau urusan dengan SSM;
- ii. anda telah membenarkan penggunaan Langganan dengan membenarkan pihak ketiga yang tidak dibenarkan untuk melaksanakan mana-mana aktiviti serah simpan dengan SSM;
 - iii. anda telah mengeksplotasi secara komersial Langganan dengan menggunakan EzBiz Online bagi maksud keuntungan. "Mengeksplotasi secara komersial" termasuk apabila anda melakukan transaksi untuk pendaftaran baru, pembaharuan, perubahan atau penamatan pendaftaran perniagaan walhal anda bukan rakan perniagaan atau orang yang bertanggungjawab untuk perniagaan itu; atau
 - iv. suatu perintah interim dibuat atau perkiraan sukarela diluluskan atau petisyen untuk mendapatkan perintah kebankrapan dikemukakan atau perintah kebankrapan dibuat terhadap anda atau jika seorang penerima atau pemegang amanah dilantik untuk harta anda atau perkiraan sukarela diluluskan atau perintah pentadbiran dibuat, atau penerima atau penerima pentadbiran dilantik untuk mana-mana aset atau aku janji anda atau ketetapan atau petisyen untuk menggulung syarikat anda diluluskan atau dikemukakan atau jika terdapat keadaan yang memberi hak kepada Mahkamah atau pemutang untuk melantik penerima, pentadbir atau mengemukakan petisyen penggulungan atau membuat perintah penggulungan.
- 4.3 Apa-apa pelaksanaan SSM berhubung haknya berkaitan penggantungan tidak mengecualikan haknya kemudian untuk menamatkan Langganan.
- 4.4 Anda boleh menamatkan perjanjian ini dengan memaklumkan SSM secara bertulis.
- 4.5 Selepas penamatan atau penggantungan Langganan walau bagaimana pun timbul peruntukan-peruntukan berikut hendaklah terpakai:
- i. penamatan atau penggantungan tidak boleh menjelaskan apa-apa hak atau tindakan atau remedи yang telah terakru atau hendaklah selepas itu terakru kepada anda atau SSM;
 - ii. semua bayaran tertunggak yang belum dibayar sebelum atau selepas penamatan atau penggantungan berhubung dengan

Langganan hendaklah terus dibayar kepada mana-mana pihak yang mana berkenaan.

5. Perubahan perjanjian

- 5.1 SSM boleh mengubah perjanjian ini dan jika SSM menghantar versi yang disemak semula untuk perjanjian ini bersama notis menyatakan bila terma-terma disemak semula berkuat kuasa dan anda terus menggunakan Langganan selepas tarikh tersebut, anda dianggap telah menerima terma-terma yang disemak semula berkuat kuasa mulai tarikh tersebut.

6. Notis

- 6.1 Apa-apa notis yang dikehendaki untuk disampaikan di bawah perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sempurna jika dihantar secara peribadi dengan tangan atau dihantar melalui pos berdaftar atau dihantar melalui bentuk elektronik atau faks ke alamat terakhir yang diketahui berdasarkan maklumat yang dikenalkan oleh SSM atau bahawa anda telah memberitahu kepada SSM secara bertulis, atau tempat kediaman atau perniagaan anda yang biasa atau terakhir diketahui atau, jika anda adalah syarikat berhad, di pejabat berdaftar.
- 6.2 Apa-apa notis yang disampaikan kepada SSM di bawah perjanjian ini hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif SSM di ibu pejabat semasa dan/atau alamat seperti yang diberitahu oleh SSM kepada anda untuk tujuan tersebut.
- 6.3 Apa-apa notis tersebut hendaklah telah diterima dengan sewajarnya dalam hal suatu notis yang diserahkan dengan tangan, selepas menerimanya, jika melalui pos pada hari yang notis itu akan dihantar melalui pos berdaftar, jika dalam bentuk elektronik dengan bukti masa penghantaran atau jika melalui faksimili pada hari yang sama dengan bukti penghantaran faksimili

7. Umum

- 7.1 Anda tidak boleh memindahkan atau menyerahkan mana-mana hak atau kewajiban anda berdasarkan perjanjian ini tanpa persetujuan SSM secara bertulis.
- 7.2 Tiada apa-apa dalam perjanjian ini yang akan memberikan hak

anda kepada orang lain kecuali yang dinyatakan dalam perjanjian ini.

- 7.3 Jika anda melanggar perjanjian ini, SSM berhak untuk mengambil apa-apa tindakan dan meneruskan apa-apa hak undang-undang disediakan untuk SSM pada masa akan datang atau dalam mana-mana keadaan lain di mana anda melanggar perjanjian ini.
- 7.4 Perjanjian ini, dan apa-apa syarat tambahan lain yang ditetapkan pada Langganan yang akan dimaklumkan oleh SSM dari semasa ke semasa, mewakili keseluruhan terma yang dipersetujui antara pihak-pihak yang berkaitan dengan hal perkaranya dan hanya boleh dipinda dengan persetujuan SSM secara bertulis.
- 7.5 SSM akan berusaha untuk menyelesaikan apa-apa perselisihan secara baik dan berkesan.
- 7.6 Perjanjian ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan setiap pihak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 7.7 Sebagai Pelanggan untuk Langganan, anda setuju untuk mematuhi parameter seperti yang diperuntukkan di bawah Protokol untuk Penyerahsimpanan Elektronik bagi tujuan menyampaikan dan mengirimkan dokumen elektronik dan/atau maklumat lain kepada Pendaftar.

(Versi Disemak Semula: 30 Ogos 2021)

ENGLISH VERSION

SSM's Ezbiz Online Terms and Conditions of Subscription pursuant to section 22A(2) of the Registration of Businesses Act 1956

Note:

- **Please read this agreement carefully.**
- **It governs the terms and conditions of SSM's EzBiz Online (your "Subscription") and contains limitation of liability on SSM's part.**
- **By clicking "I accept", you are entering into a contract with SSM and agreeing to the terms and conditions which are stated below.**
- **The terms "you" and "your" refer to yourself as the subscriber ("Subscriber").**

1. Provision of Subscription

- 1.1 The Subscription to the EzBiz Online is provided by Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Companies Commission of Malaysia) ("**SSM**"). You will receive access to the EzBiz Online following the payment of the fee ("**Subscription Fee**") or otherwise as may be stipulated by SSM.
- 1.2 You acknowledge that you have provided accurate and complete registration information and that it shall be your responsibility to update any changes to that information including but not limited to your email address.
- 1.3 You must keep secure and keep confidential of your username and

password ("ID"). You are responsible for all the use of the Subscription including the prevention of unauthorized use of your ID.

- 1.4 You must use this Subscription only for your own business registration, renewal, changes or termination of business registration and not for the purposes of gain.

2. Fees

- 2.1 The annual Subscription fee is RM5.00 and the Subscription fee has been waived.
- 2.2 You shall pay to SSM all applicable fees pursuant to the Registration of Businesses Act 1956 ("ROBA 1956") and all regulations made pursuant to the ROBA 1956 in respect of submission of documents to SSM through the EzBiz Online.
- 2.3 Non-payment of the applicable fees in any circumstances will render the documents lodged through the EzBiz Online to be deemed not to have been lodged until the fees have been fully paid.

3. Limitation of liability

- 3.1 SSM will use its reasonable endeavours to remedy faults in the Subscription during the term of the Subscription. If SSM is in breach of this agreement, you agree that your liability for damages that you have incurred shall be limited to an amount equivalent to the Subscription Fee paid (where applicable) or otherwise you may opt for a termination of the Subscription.
- 3.2 SSM will not be liable for any losses such as loss of data, loss of profits or business interruptions arising from the use or inability to use the Subscription or from any action taken (or refrained from being taken) as a result of using the Subscription.

4. Termination/Suspension

- 4.1 SSM reserves the right at its discretion and without prior written notice to terminate the Subscription or initiate action to blacklist and will notify you in writing of any such termination or blacklisting.
- 4.2 SSM shall have the right to forthwith terminate the Subscription or blacklist you if:

- i. you fail to make a payment when it becomes due in relation to the Subscription, the Service or any other account or arrangement with SSM;
 - ii. you have permitted the use of the Subscription by allowing an unauthorised third party to execute any of the lodgement activities with SSM;
 - iii. you have commercially exploited the Subscription by utilising the EzBiz Online for the purposes of gain. "*Commercially exploited*" includes when you conduct transactions for new registration, renewals, changes or termination of business registration when you are not an associate of the business or a person responsible for the business; or
 - iv. an interim order is made or a voluntary arrangement approved or a petition for a bankruptcy order is presented or a bankruptcy order is made against you or if a receiver or trustee is appointed to your estate or a voluntary arrangement is approved or an administration order is made, or a receiver or administrative receiver is appointed of any of your assets or undertakings or a resolution or a petition to wind up your company is passed or presented or if any circumstances arise which entitle a Court or a creditor to appoint a receiver, administrator or present a winding up petition or make a winding up order.
- 4.3 Any exercise by SSM of its right of suspension shall not exclude its rights subsequently to terminate the Subscription.
- 4.4 You may terminate this agreement by notifying SSM in writing.
- 4.5 Upon termination or suspension of the Subscription howsoever arising the following provisions shall apply:

- i. termination or suspension shall not prejudice or affect any right or action or remedy which shall have accrued or shall thereafter accrue to you or SSM;
- ii. all outstanding payment unpaid before or after the termination or suspension in relation to the Subscription shall continue to be paid to either party where applicable.

5. Variation of the agreement

- 5.1 SSM may vary this agreement and if SSM delivers to you a revised version of this agreement together with a notice stating when such

revised terms will come into force and you continue to use the Subscription after such date, you shall be deemed to have accepted such revised terms with effect from such date.

6. Notices

- 6.1 Any notice required to be served under this agreement shall be in writing and shall be deemed to have been sufficiently served if delivered personally by hand or sent by registered post or sent via electronic form or facsimile to last known address based on information that is maintained by SSM or that you have notified to SSM in writing, or your usual or last known place of residence or business or, if you are a limited company, at the registered office.
- 6.2 Any notice to be served to SSM under this agreement shall be addressed to the Chief Executive Officer of SSM at the current headquarters of SSM and/or such address as SSM may inform you for that purpose.
- 6.3 Any such notice shall be deemed to have been duly received in the case of a notice delivered by hand, upon receipt thereof, if by post on the day on which the notice would be sent by registered post, if in electronic form with the proof of the transmission time or if by facsimile on the same day with proof of the facsimile transmission.

7. General

- 7.1 You shall not transfer or assign any of your rights or obligations under this agreement without SSM's consent in writing.
- 7.2 Nothing in this agreement shall confer your rights on any other person except as otherwise stipulated in this agreement.
- 7.3 If you breach this agreement, SSM reserves the right to take any actions and pursue any legal rights available to SSM at a later date or in any other situation where you breach this agreement.
- 7.4 This agreement, and any other additional terms prescribed on the Subscription that may be notified by SSM from time to time, represents the entire terms agreed between the parties in relation to its subject matter and may be amended only by SSM's agreement in writing.
- 7.5 SSM will try to resolve any disagreements amicably and efficiently.

- 7.6 This agreement shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and each party agrees to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
- 7.7 As a Subscriber to the Subscription, you agree to adhere to the parameters as provided for under the Protocol for Electronic Lodgement for the purposes of communicating and transmitting electronic documents and/or other information to the Registrar.

(Revised version: 30 August 2021)